



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

Tarikh : 28 Julai 2022 (Khamis)
Masa : 9.30 – 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Hj Wan Muhammad Aznan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan - Pengerusi Ganti
2. Puan Shamila binti Zainol
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
3. YM Tengku Nadiah Binti Tengku Mohamad @ Jaffar
Bahagian Khidmat Pengurusan - Hadir atas talian
4. Puan Nur Ilyani binti Md Aris
Bahagian Khidmat Pengurusan - Setiausaha Pengurusan
(Pencatat Minit)
5. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias
Bahagian Pembangunan Modal Insan
6. Puan Agnes Caroline Anak Gibea
Bahagian Khidmat Pengurusan - Hadir atas talian
7. Puan Mas Ayu binti Johari
Bahagian Khidmat Pengurusan - Hadir atas talian
8. Puan Wajeehah binti Mohd Ghazali
Bahagian Khidmat Pengurusan - Hadir atas talian
9. Puan Nur Amira Yasmin binti Mohd Yusoff
Bahagian Khidmat Pengurusan
10. Puan Safura binti Shaaruddin
Bahagian Khidmat Pengurusan
11. Puan Nor Sa'adah binti Hj Mohd Sidek
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Hj Mohd Sufian bin Sulaiman
Ketua Pengarah Perikanan
2. YBhg. Dato' Mohd Mohtar bin Mahamud
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
3. Puan Hasliza binti Khasim
Bahagian Khidmat Pengurusan

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Puan Anis Mazidah binti Abd Samad
Bahagian Pembangunan Akuakultur
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja G48
2. Encik Muhammad Shakirin bin Suhami
3. Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan
Setiausaha Bersama (G41)
4. Encik Mohd Azrul bin Mahmud
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44)
5. Encik Magenthiran A/L Tharmalingam
6. Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja Gred G19/G22/G26
7. Encik Mat Arif bin Mat Arof
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
8. Encik Mohd Mustakim bin Baharom
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir Gred N19 / N26)
9. Puan Noraini Binti Md Nor
Cawangan Pengurusan Maklumat
Juruteknik Komputer / Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai Teknologi Maklumat Gred FT19/F26, FA29/38 & F41/F48 - Hadir atas talian
10. Puan Rosliana Binti Zainal
Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36) - Hadir atas talian

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. Encik Ahmad Sani bin Ahmad Razali
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)
2. Puan Nik Rohimah Binti Kadir
Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) (MOA)
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G32) & Pegawai Kader DOF

1. UCAPAN ALUAN PENGERUSI MBJ

- i. YBrs. Tuan Hj Wan Muhammad Aznan bin Abdullah (Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan) yang menggantikan Hj Mohd Sufian bin Sulaiman (Ketua Pengarah Perikanan) sebagai Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal dan juga secara atas talian.

Tindakan: Makluman

- ii. Tuan Pengerusi mengingatkan ahli mesyuarat bahawa platform MBJ adalah bagi membincangkan dan mencapai keputusan yang menguntungkan bagi kedua-dua pihak dan ahli hendaklah maklum berkenaan usul yang diberlakukan untuk dibawa ke dalam mesyuarat bagi mengelakkan timbulnya isu yang tidak dapat diselesaikan di bawah kuasa pengurusan Jabatan.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB PENGERUSI MBJ

- i. Naib Pengerusi MBJ, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad mengucapkan salam dan terima kasih kepada pihak pengurusan. Dimakluman bahawa pada mesyuarat kali ini barisan MBJ Pekerja akan membentangkan dua usul sahaja.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 3 TAHUN 2021

- i. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1 Tahun 2022 telah diusul untuk disahkan beserta pindaan oleh Puan Shamila binti Zainon dan telah disokong oleh Puan Anis Mazidah binti Abd Samad.

Tindakan: Makluman

- i. Pindaan minit adalah pada maklumat kehadiran wakil pekerja Encik Mohd Mustakim bin Baharom di mana butiran "Wakil Pekerja (Pembantu Operasi Gred N11 / N14)" dipinda kepada "Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir Gred N19 / N26)"

Tindakan: Urusetia MBJ

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1 Pertambahan Kursus Pemantapan / Jati Diri Kakitangan

- i. Susulan kepada maklum balas yang diberi oleh pihak Bahagian Pembangunan Modal Insan, YBrs. Tuan Pengerusi turut mencadangkan bahawa Jabatan mengadakan kerjasama bersama agensi luar yang mahir dalam pengisian program jati diri / *team building* bagi meluaskan skop pelaksanaan.

Tindakan: Makluman

4.2 Pelaksanaan Kutipan Caj / Fi Secara Atas Talian

- i. Susulan maklum balas yang diberi oleh Cawangan Kewangan dan Personel BKP, wakil pekerja memohon pencerahan sekiranya maklum balas perlu dipanjangkan oleh wakil skim kepada pihak negeri ataupun akan dilakukan oleh pihak BKP.

Tindakan: Makluman

- ii. Setiausaha Pengurusan memaklumkan bahawa usul telah dikemukakan melalui wakil pekerja di platform MBJ dan dijawab melalui maklum balas pengurusan kepada ahli Mesyuarat. Perkara ini perlu diambil maklum oleh wakil skim yang telah mengemukakan usul berkenaan. Sekiranya persoalan / permohonan dikemukakan melalui surat rasmi oleh pejabat perikanan negeri, maka pihak BKP boleh mengeluarkan surat pemakluman kepada pejabat perikanan negeri yang berkenaan. Sebaiknya, pembawa usul perlu mendapat penjelasan dari peringkat negeri / pusat / IPP terdahulu sebelum mengemukakan usul di peringkat Ibu Pejabat bagi mengelakkan pemakluman yang berulang / *redundant*.

Tindakan: Makluman

4.3 Urusan Parkir di Ibu Pejabat

- i. Susulan maklum balas yang diberi oleh Cawangan Pengurusan Aset dan Pentadbiran BKP, YBrs. Tuan Pengerusi memohon satu teguran dibuat kepada pengurusan Addeen berkenaan peletakan kenderaan syarikat yang sering mengganggu lalu lintas kakitangan Jabatan di parkir *Lower Ground (LG)*.

Tindakan: Caw. Pengurusan Aset dan Pentadbiran, BKP

4.4 Ketetapan Spesifikasi Pakaian Seragam

- i. Susulan maklum balas yang diberi oleh Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan, YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pakaian seragam Jabatan berada pada tahap yang baik. Beliau juga menyokong usaha penambahbaikan dari segi pemambahan riben,

anugerah dan sebagainya bagi meningkatkan imej Jabatan. Mesyuarat memohon bahawa penyelarasan isu ini boleh dilaksanakan oleh Pengarah Kanan Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan, memandangkan fungsi Bahagian telahpun bergabung.

Tindakan: BKOPP

4.5 Pewujudan Pertubuhan Badan Khairat Kematian & Kebajikan Kakitangan Jabatan

- i. Susulan maklum balas yang diberi oleh wakil KESUSIP, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad selaku bendahari KESUSIP memaklumkan bahawa tiada pewujudan baharu bagi badan khairat kematian, dan pengutipan berkenaan urusan ini akan dilaksanakan di bawah KESUSIP.

Tindakan: Makluman

- ii. Mesyuarat dimaklumkan Ahli Pengurusan KESUSIP yang baru dilantik pada bulan April juga dalam proses pengesahan kembali kelab bersama *Registry of Societies* (ROS) serta mengemaskini maklumat akaun bagi urusan yuran dan kutipan tahunan. Justeru, satu surat pemakluman akan dikemukakan kepada setiap Bahagian berkenaan kutipan serta penubuhan tabung kebajikan yang telah dicadangkan.

Tindakan: Makluman

5. ISU WAKIL PEKERJA

Waki pekerja memaklumkan bahawa hanya dua (2) usul yang sempat dimasukkan ke dalam perbincangan Pra-MBJ pekerja, dan memohon usul-usul lain dibentangkan di dalam Mesyuarat akan datang selepas deteliti oleh barisan wakil pekerja. Senarai usul / isu yang telah dikemukakan oleh wakil Pekerja boleh dirujuk di **Lampiran A**.

5.1 Sesi Penerangan Urusan Penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan G19 ke Penolong Pegawai Perikanan G29

- i. Pihak pekerja memohon satu sesi penerangan diadakan berkenaan isu penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan G19 ke Penolong Pegawai Perikanan G29 untuk memberi gambaran yang jelas kepada kakitangan berkenaan laluan kerjaya mereka.
- ii. Mesyuarat dimaklumkan bahawa BKP dan PMI telah bekerjasama dalam menghasilkan satu dokumen *Frequently Asked Questions* (FAQ) berkenaan isu laluan kerjaya yang telah kerap kali diusulkan di dalam MBJ dan akan dikongsikan setelah lengkap. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan tiada halangan bagi memberi penerangan kepada kumpulan sokongan berkenaan isu ini. Dimohon kerjasama wakil pihak pekerja untuk

menetapkan tarikh serta mengumpulkan kakitangan yang berkenaan bagi sesi tersebut.

Tindakan: BKP, PMI, Wakil Pekerja

- iii. Pihak pengurusan turut mengingatkan kepada kumpulan pembantu perikanan untuk mengambil Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL), mengemaskini butiran di portal SPA9 dan juga bersedia untuk mengambil Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) sekiranya ingin meningkatkan laluan kerjaya masing-masing.

Tindakan: Makluman

5.2 Penetapan *Time Frame* bagi Urusan Penarafan Sijil Perikanan

- i. Pihak pekerja memohon semakan status Sijil Perikanan sekiranya setaraf dengan Sijil STPM dan diploma di peringkat SPA dan memohon pihak PMI untuk mewujudkan satu *Time Frame* bagi urusan ini.

Tindakan: Makluman

- ii. Mesyuarat dimaklumkan oleh Pengarah PMI bahawa Sijil Perikanan telahpun mendapat kelulusan *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) bagi kohort 1 hingga 3 (seperti yang telah dijelaskan di dalam Minit MBJ Bil 2.2021) yang meletakkan Sijil Perikanan setara dengan sijil STPM.

Tindakan: Makluman

- iii. Sepertimana yang telah dijelaskan di dalam Minit MBJ Bil 2.2021 juga, permohonan untuk memasukkan Sijil Perikanan ke dalam syarat masuk ke skim Penolong Pegawai Perikanan G29 telahpun diangkat ke Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) Jabatan Perkhidmatan Awam, dan dimaklumkan akan dikaji bersekali dengan kertas penambahbaikan skim dari agensi-agensi lain.

Tindakan: Makluman

- iv. PMI memaklumkan bahawa perbincangan bersama pihak MQA juga boleh dilaksanakan secara serentak bagi memohon pemberian kelayakan sijil dengan laluan khas kepada pembantu perikanan yang telah lama berkhidmat dan mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tinggi. YBrs Penggerusi memohon pihak PMI untuk merangka cadangan *Time Frame* bagi urusan berkenaan.

Tindakan: PMI

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Pindaan Perlembagaan MBJ Jabatan Perikanan Malaysia

- i. Mesyuarat bersetuju bahawa Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) akan dilaksanakan secara berpusat di peringkat Ibu Pejabat dan Perlembagaan MBJ sedia ada perlu dipinda bagi membenarkan wakil pekerja untuk membawa isu dari peringkat negeri. Ini juga turut melibatkan penambahan wakil pekerja bagi beberapa skim yang berkenaan.

Tindakan: Urusetia, Wakil Pekerja

- ii. Mesyuarat juga bersetuju bahawa pengarah Pejabat Perikanan Negeri dan Institut Penyelidikan Perikanan boleh turut dijemput hadir untuk mengambil maklum berkenaan isu di pejabat masing-masing.

Tindakan: Makluman

6.2 Senarai Usul Dimuat Naik ke Laman Web


- i. Pihak pekerja memohon senarai usul yang dikemukakan di dalam Mesyuarat turut dimuat naik ke dalam Laman Web Jabatan dengan pertambahan kepada butiran keputusan / catatan sekiranya diterima, digugurkan dan sebagainya.

Tindakan: Urusetia

7. PENUTUP

YBrs. Tuan Pengurus mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

DISEDIAKAN OLEH:



(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



(ENCIK MUHAMMAD SHAKIRIN BIN SUHAIMI)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia